

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Pemuda Berjasa nak temui Anwar bincang hal kemiskinan

KOTA BAHARU, Jumaat — Dewan Pemuda Berjasa Pusat akan menemui Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Anwar Ibrahim tidak lama lagi untuk membincangkan masalah kemiskinan yang dihadapi oleh sebahagian besar Orang Melayu di negara ini.

Ketuanya, Haji Hanifa Ahmad berkata hari ini, Pemuda Berjasa akan sama-sama membincangkan masalah kemiskinan itu bagi memastikan matlamat Dasar Ekonomi Baru tercapai sepenuhnya.

Katanya, Dewan Pemuda Berjasa Pusat menyambut baik langkah Pergerakan Pemuda Umno Malaysia untuk membasmi kemiskinan di kalangan Orang Melayu.

Katanya lagi, masalah kemiskinan yang dihadapi oleh Orang Melayu ialah sebab utama yang menghalang pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru yang tinggal cuma enam tahun.

Haji Hanifa

mengingatkan ahli-ahli Pergerakan Pemuda Barisan Nasional, terutama Berjasa supaya sentiasa berwaspada terhadap musuh-musuh negara dan memperbaharui azam walaupun negara sekarang dalam keadaan aman.

Mengenal kegiatan Dewan Pemuda Berjasa, Encik Hanifa berkata, beliau sedang menyusun dan mengemaskinkan struktur organisasinya, di samping memperingkatkan lagi kerjasama dengan Dewan Pemuda Berjasa negeri-negeri, termasuk Dewan Ulama, Muslimat dan Dewan Harian Berjasa.

Setakat ini, beliau telahpun menemui Ketua Dewan Pemuda Berjasa Negeri Terengganu dan Kelantan dan akan ke beberapa negeri lain tidak lama lagi untuk meninjau masalah serta kesulitan yang dihadapi dengan tujuan mewujudkan perpaduan di kalangan ahli-ahli Berjasa di seluruh negara.

Pemuda Berjasa juga akan melancarkan gerakan pencerangan kepada ahli-ahlinya.